

04/02/1999

Kepentingan rakyat Johor diambil kira

KOTA TINGGI, Rabu - Kerajaan akan memastikan setiap keputusan berkaitan hubungan Malaysia-Singapura sentiasa mengambil kira kepentingan negeri Johor, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata penduduk Johor tidak perlu bimbang berhubung apa juga permasalahan yang berlaku antara Malaysia dan Singapura.

Katanya, walaupun pihaknya berpegang kepada dasar dan keputusan yang ditentukan Kerajaan Pusat namun pandangan kerajaan negeri perlu diambil kira.

"Selaku menteri yang dipertanggungjawabkan menyelesaikan beberapa masalah berkaitan, saya tetap mengambil kira kepentingan Johor.

"Ini penting kerana sensitiviti rakyat Johor perlu diambil kira kerana kedudukannya sebagai jiran," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan Aidilfitri anjuran Umno bahagian Kota Tinggi di Felra Simpang Waha, dekat sini petang semalam.

Sehubungan itu, Syed Hamid yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi memberi jaminan, pelbagai isu termasuk bekalan air, perpindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), jambatan dan sebagainya akan ditangani dan diselesaikan dengan cara yang terbaik.

"Sebelum sesuatu keputusan dibuat, saya akan memastikan perbincangan akan dibuat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Abdul Ghani pada peringkat kerajaan negeri.

"Perbincangan berkaitan isu Malaysia-Singapura, secara langsung memang memberi kesan kepada negeri Johor. Sebagai negara jiran yang terdekat dan pintu masuk utama, kita tentunya tidak dapat mengelak untuk turut sama merasai dan menangani permasalahan ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Ghani dalam ucapannya menghargai kesediaan Syed Hamid untuk sentiasa memelihara kepentingan Johor dalam menangani apa juga masalah berhubung Malaysia dan Singapura.

"Sebagai anak Johor, Syed Hamid tentu matang dan peka dengan kehendak rakyat Johor. Oleh itu, kedudukannya sebagai Menteri Luar memberi kelebihan kepada negeri ini," katanya.

(END)